UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PUTRAJAYA, 31 Julai 2025 – MyDigital ID menyambut baik saranan dan penegasan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim berkenaan kepentingan MyDigital ID sebagai kunci pengesahan identiti digital tunggal yang selamat dan sahih bagi memudahkan akses ke pelbagai kemudahan awam dalam talian supaya lebih cekap dan pantas semasa pembentangan RMK13 hari ini. Langkah ini selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkasa digitalisasi dan memastikan kemudahan untuk semua.

Sehingga kini, sebanyak 45 platform perkhidmatan dalam talian, merangkumi perkhidmatan kerajaan dan swasta telah diintegrasikan dengan MyDigital ID. Jumlah ini dijangka terus melonjak sejajar dengan pelaksanaan berperingkat di seluruh negara. Aspek keselamatan pengguna terus menjadi keutamaan, dengan sistem yang dibangunkan tidak menyimpan data biometrik, serta pengesahan identiti dilakukan secara langsung dengan pangkalan data kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital ID, Encik Nik Hisham Nik Ibrahim, turut mengulas, *"Fokus utama MyDigital ID adalah untuk menjadi sistem kepercayaan digital masa nyata. Dengan penggunaan yang semakin meluas, ia bukan sahaja memudahkan urusan rakyat, tetapi turut memperkukuh kedaulatan dan keselamatan digital negara."*

-TAMAT-

Mengenai MyDigital ID:

MyDigital ID ialah platform identiti digital yang selamat dan dipercayai yang direka untuk mengukuhkan dan memudahkan pengesahan identiti dalam talian, tanpa menggantikan sistem MyKad. Ia berfungsi sebagai log masuk tunggal untuk perkhidmatan digital, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian yang lebih besar kepada rakyat dalam mengakses perkhidmatan dalam talian dan melakukan transaksi.

MyDigital mengutamakan keselamatan dan privasi data. Ia tidak menyimpan sebarang data biometrik atau pangkalan data peribadi dan tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad untuk tujuan pengenalan diri.

Muat turun aplikasi MyDigital ID melalui gedung aplikasi utama; Google Play Store, Apple App Store dan Huawei App Gallery. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my

Untuk pertanyaan media, sila hubungi pasukan Komunikasi Korporat kami:

Nur Farah Ilyana Idros
Komunikasi & Perhubungan Awam
My Digital ID Sdn Bhd
E-mel: farah.idros@myid.my